

# SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera



**Komunikasi Korporat Kumpulan**  
Tingkat 31, Menara Bank Islam  
No. 22 Jalan Perak  
50450 Kuala Lumpur  
Telefon 03 2088 8000  
Faks 03 2781 2998  
[www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

## **BANK ISLAM MELANTIK KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF YANG BAHARU**

**KUALA LUMPUR, Rabu, [14 Jun 2017]:** Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) hari ini mengumumkan perlantikan Encik Khairul Kamarudin sebagai Ketua Pegawai Eksekutifnya yang baharu berkuat kuasa 14 Jun 2017. Sebelum perlantikan ini, Encik Khairul merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam.

Pengalaman Encik Khairul dalam dunia korporat Malaysia menjangkau lebih 21 tahun termasuklah berkhidmat di PricewaterhouseCoopers (Malaysia) Sdn Bhd dan Pengurusan Danaharta Nasional Berhad dan beliau terlibat dalam pelbagai bidang dan operasi seperti audit, jaminan perniagaan, pengurusan aset dan pemulihan.

Beliau menyertai Bank Islam pada tahun 2005 dan memainkan peranan penting dalam menerajui pemulihan aset semasa tahun-tahun pemulihan dan transformasi Bank Islam. Beliau instrumental dalam pencitraan semula perniagaan runcit Bank dengan memperkenalkan pendekatan jualan yang agresif dan menggalakkan budaya prestasi berasaskan risiko.

Beliau dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif pada tahun 2016 dan bertanggungjawab memacu pertumbuhan dan keuntungan keseluruhan semua bahagian perniagaan seperti perbankan Pengguna, Komersil, Korporat, Perbendaharaan, Deposit dan Pasaran Modal. Beliau juga memainkan peranan penting dalam prestasi keseluruhan Operasi, Teknologi, Jenama dan Komunikasi Pasaran serta Hubungan Strategik Pelanggan.

Antara pencapaian terbaik dibawah pentadbiran beliau adalah pemeraksanaan strategi perniagaan keseluruhan Bank; memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan yang memenangi anugerah, termasuklah kad kredit perniagaan

patuh Syariah yang pertama di Asia Pasifik; Kad debit-i jenama bersama Visa dengan persatuan-persatuan bolasepak Malaysia dan universiti; perkhidmatan pengeluaran tunai Bank Islam Visa; Transact-At-Palm (TAP); e-Donation dan pembiayaan tanah wakaf.

Encik Khairul adalah Pengerusi bagi dua anak syarikat Bank Islam iaitu BIMB Investment Management Bhd dan Farihan Corporation Sdn Bhd.

Beliau adalah ahli pengamal Association of Chartered Islamic Finance Professional dan berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Anglia University, UK.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my)

---

#### **Mengenai Bank Islam**

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 147 cawangan dan lebih daripada 1200 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati [www.bankislam.com.my](http://www.bankislam.com.my) atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

#### **Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

<b>Wan Norkhairi Wan Samad</b> Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:wnorkhairi@bankislam.com.my">wnorkhairi@bankislam.com.my</a> Web: <a href="http://www.bankislam.com.my">www.bankislam.com.my</a>	<b>Omar Atin</b> Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2781 2998 Emel: <a href="mailto:omar@bimbholdings.com">omar@bimbholdings.com</a> Web: <a href="http://www.bimbholdings.com">www.bimbholdings.com</a>
--	--